

Newspaper	Berita Harian
Date	26 June 2015

Kerajaan perkenal insentif baharu PKS

BH - 26/6/2015



Najib bersama Mustapa dan Hafsa pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Ke-18 di Putrajaya, semalam. [FOTO BERNAMA]

» **Produktiviti, inovasi syarikat antara aspek diberi tumpuan**

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan akan memperkenalkan insentif baharu untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan kepada prestasi syarikat yang dijangka mula dilaksanakan tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata antara aspek yang akan diberi tumpuan termasuk produktiviti

dan inovasi syarikat, jumlah eksport produk atau perkhidmatan ke luar negara serta tenaga kerja.

Katanya, jenis insentif yang akan diberikan kini masih pada peringkat kajian dan antara yang dicadangkan termasuk pengecualian cukai selepas lima tahun syarikat beroperasi, rebat tahunan ke atas perbelanjaan pengangkutan dan rebat faedah pinjaman bank.

Sumbangan meningkat
"Sumbangan PKS kepada Ke-
luaran Dalam Negara Kasar

(KDNK) meningkat daripada 29.5 peratus pada tahun 2005 kepada 35.9 peratus pada tahun 2014 dan sasaran kekal 41 peratus menjelang tahun 2020.

"Justeru, perkembangan PKS akan terus diberikan suntikan dan galakan untuk mencapai sasaran. Kita akan beri lebih perhatian kepada beberapa aspek, iaitu pertumbuhan mestilah berdasarkan kepada produktiviti dan inovasi, berbanding bergantung kepada input seperti tenaga buruh asing yang murah selama ini.

"Ini supaya pertumbuhan lebih kepada penggunaan teknologi, proses perniagaan dan inovasi yang membawa kepada peningkatan produktiviti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Ke-18 di sini, semalam. Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Malaysia, Datuk Hafsa Hashim.

Perkembangan luar biasa
Perdana Menteri berkata, PKS menunjukkan perkembangan memberangsangkan tahun lalu dengan pertumbuhan tahunan 13.6 peratus.

"Perkembangan luar biasa ini disebabkan dua faktor utama iaitu permintaan domestik yang terus kukuh dan definisi baru kepada PKS yang membolehkan 8,000 firma tempatan tergolong dalam PKS, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan 'one-off' itu.

"Bagaimanapun, tahun ini kita menjangkakan pertumbuhan PKS dalam lingkungan enam hingga tujuh peratus, mengatasi pertumbuhan GDP 4.5 hingga 5.5 peratus," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga menasaskan sumbangan eksport negara oleh PKS meningkat kepada 23 peratus pada 2020, berbanding 17 peratus ketika ini.